

» *Rejim Zionis hadapi kempen aktivis siber proPalestin*

# Web kerajaan Israel digodam 44 juta kali

► **Baitulmaqdis**

**L**ebih 44 juta cubaan menggodam dibuat ke atas laman web Israel sejak Rabu lalu apabila rejim Zionis memulakan serangan udara terhadap Gaza.


Menteri Kewangan Israel, Avigdor Steinitz, berkata satu cubaan menggodam berjaya dilakukan pada laman web yang enggan dinyatakan, tetapi laman itu berjaya dipulihkan semula selepas 10 minit.

Sebenarnya, ada beratus-ratus cubaan menggodam ke atas laman web Israel setiap hari, kata kementerian berkenaan.

Serangan siber ke atas laman web berkaitan pertahanan mencatat cubaan menggodam tertinggi.

## **Web presiden tak terlepas**

Selain itu, 10 juta cubaan menggodam dibuat ke atas laman web Presiden Israel, tujuh juta terhadap Kementerian



**Poster kempen Anonymous** serang web Kerajaan Israel.

B/H 20/11/12 ms 07

juta terhadap Kementerian Luar dan tiga juta ke atas laman web Perdana Menteri, Benjamin Netanyahu.

Jurucakap Kementerian berkata, walaupun serangan datang dari seluruh dunia, kebanyakan dari wilayah Israel dan Palestin.

“Unit komputer kementerian akan terus menghalang cubaan menggodam berjuta-juta penyerang siber,” kata Steinitz.

Kedua-dua pihak dalam konflik di Gaza, terutama Is-

“**Unit komputer kementerian akan terus menghalang cubaan menggodam berjuta-juta penyerang siber**”

**Yuval Steinitz,**  
Menteri Kewangan Israel

rael, menggunakan media sosial sebagai antara alat peperangan.

Pasukan Pertahanan Israel menonjolkan kehadirannya pada hampir setiap landasan yang ada manakala pejuang Palestin aktif menggunakan Twitter.

**Perang tiga bahagian**

“Perang berlaku pada tiga bahagian. Pertama ialah fizikal, kedua pada rangkaian sosial dunia dan ketiga, siber,” kata ketua pegawai penerangan Israel, Carmela Avner.

Serangan paling berjaya ke atas laman web Israel dilakukan oleh pergerakan Anonymous yang melancarkan kempen #OpIsrael.

Aktivis Anonymous dilaporkan berjaya menjejaskan operasi, termasuk mengubah gambar skrin sasaran di Israel, termasuk Bank of Jerusalem.

“Apa yang berlaku di Pa-

lestin adalah pindasan. Penduduknya tidak ada tentera darat, udara dan laut. Ini bukan perang tetapi kekerasan tentera berterusan Israel bagi mengusir semua penduduk Palestin meskipun menyalahi undang-undang antarabangsa,” kata web Anonpaste yang menyokong Anonymous.

**Medan perang masa depan**

Bulan lalu, Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Leon Panetta, berkata ruang siber adalah medan peperangan pada masa depan, dengan penggodam melancarkan serangan terhadap bank dan sistem kewangan lain.

Bank di Amerika kerap di serang penggodam disyaki dari Iran yang dianggap sebagai tindak balas terhadap sekatan ekonomi bertujuan memaksa Tehran berunding berhubung program nuklearnya.

REUTERS



Belia Palestin **membaling batu ketika protes** meletus di Nablus. [ FOTO AFP ]



**Bantahan anti-Israel** diadakan di depan Kedutaan Amerika di Jakarta. [ FOTO AFP ]